



TINJAUAN INSURANS HAYAT MALAYSIA

Bahagian Insurans Hayat mencatatkan pendapatan premium berjumlah RM1.3 bilion (2007: RM1.5 bilion), iaitu penyusutan 13.3% berbanding tahun lepas, terutamanya berikutan kemerosotan perniagaan premium tunggal, khususnya Pelan Fixed Deposit Endowmen ("FDE") Pengurangan dialami kerana usaha kami menghadkan pendedahan dalam jenis perniagaan ini dari segi risiko yang wujud dalam ketidaksepadanan aset dan liabiliti serta margin keuntungan rendah.

Lanjutan daripada usaha pada tahun-tahun sebelumnya, MAA telah mengalih tumpuan kepada pelan berkaitan pelaburan yang memerlukan caj modal lebih rendah di bawah syarat RBC dan risiko pelaburannya ditanggung oleh pelanggan dan bukannya MAA. Namun begitu, jualan produk berkaitan pelaburan mencatatkan kejatuhan 31.8% dari segi jumlah premium pada 2008 berlatarkan persekitaran dan keadaan ekonomi yang tidak memberangsangkan.

Bahagian Insurans Hayat juga mencatatkan perbelanjaan operasi lain bersih lebih tinggi berjumlah RM253.5 juta (2007: pendapatan operasi lain bersih RM32.8 juta) terutamanya kerana kerugian daripada pelupusan nilai pelaburan disebut harga berjumlah RM106.8 juta (2007: masuk kira semula peruntukan bagi penyusutan nilai keuntungan RM68.1 juta), ekoran kejatuhan IKKL dan kerugian daripada hapus kira pelaburan disebut harga berjumlah RM111.0 juta (2007: keuntungan RM99.8 juta). Namun begitu, pada 2008 Bahagian Insurans Hayat mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM35.1 juta, peningkatan ketara berbanding kerugian sebelum cukai berjumlah RM21.5 juta pada 2007.

Pada akhir Disember 2008, Lebihan Dana Insurans Hayat keseluruhan tetap kukuh dengan lebihan kumulatif dibawa ke hadapan berjumlah RM314.5 juta (2007: RM495.5 juta).

Meninjau ke hadapan, MAA akan memberi tumpuan kepada pertumbuhan hasil menerusi inovasi produk dan penciptaan saluran pengedaran dengan mengambil dan mengekalkan ejen berkualiti. Bahagian ini mendapati trend permintaan orang ramai semakin berubah dan cenderung kepada pelan berkaitan pelaburan. Untuk mengekalkan daya saing, MAA akan melancarkan pelan berkaitan pelaburan yang menepati keperluan pelanggan memandangkan keadaan ekonomi semasa yang mencabar dan suasana kadar simpanan tetap yang rendah, sambil memenuhi keperluan perlindungan dan simpanan peribadi. Tidak kurang pentingnya ialah keutamaan yang diberikan oleh MAA untuk meningkatkan tahap profesionalisme dan pengetahuan ejennya bagi meningkatkan produktiviti jualan dan pada masa yang sama meluaskan pasukan jualan. Untuk tujuan ini, MAA akan meneruskan program latihan komprehensif bagi meningkatkan lagi tahap profesionalisme, produktiviti dan pengekalakan perniagaan tenaga agensinya.

TINJAUAN INSURANS AM MALAYSIA

Bahagian Insurans Am mengalami kemerosotan 7.2% dari segi premium taja jamin kasar kepada RM372.1 juta (2007: RM401.1 juta) pada tahun yang dilaporkan.

TAKAFUL

UNIT AMANAH

OPERASI ANTARABANGSA

Premium perniagaan kenderaan motor menurun sebanyak 11.8% kepada RM155.1 juta (2007: RM175.8 juta), manakala premium perniagaan motosikal meningkat 11.2% kepada RM41.7 juta (2007: RM37.5 juta). Sementara itu, premium bukan motor menyusut sebanyak 6.7% kepada RM175.3 juta (2007: RM187.8 juta). Sejak 2005, bahagian portfolio perniagaan motor sebagai peratus jumlah premium kasar terus berkurangan, iaitu daripada 57.3% pada 2006, 53.2% pada 2007 dan akhirnya kepada 52.9% pada 2008; manakala bahagian portfolio bukan motor meningkat daripada 42.8% pada 2006, 46.8% pada 2007 kepada 47.1% pada 2008. Perubahan dalam bahagian portfolio perniagaan motor dan bukan motor adalah sejajar dengan tindakan yang diambil oleh Bahagian Insurans Am untuk mengimbangi semula portfolio motor dan bukan motor dengan tumpuan kepada kelas yang lebih menguntungkan – terutamanya kebajikan, kargo marin, pekerja asing, semua risiko kontraktor dan kejuruteraan. Untuk perniagaan motor secara khususnya, Bahagian Insurans Am beralih secara berperingkat daripada polisi pihak ketiga dan perlindungan 'Akta' sahaja (insurans motor yang diwajibkan di bawah Akta) yang tidak menguntungkan dalam kategori kereta persendirian dan kenderaan komersil.

Pada tahun yang dilaporkan, nisbah tuntutan menyusut kepada 73.6% (2007: 75.4%). Penurunan ini dicapai hasil daripada tindakan strategik berterusan yang diambil sejak beberapa tahun lepas untuk beralih daripada perniagaan yang kurang menguntungkan. Walaupun nisbah tuntutan telah dikurangkan, Bahagian Insurans Am mencatatkan perbelanjaan operasi lain bersih lebih tinggi sebanyak RM43.6 juta (2007: pendapatan operasi lain bersih RM22.8 juta) terutamanya kerana peruntukan lebih tinggi yang dibuat bagi pengurangan nilai pelaburan disebut harga sebanyak RM26.5 juta (2007: masuk kira semula peruntukan bagi pengurangan nilai RM8.7 juta). Peruntukan ini dibuat akibat kejatuhan IKKL dan kerugian daripada pelupusan pelaburan disebut harga berjumlah RM7.0 juta (2007: keuntungan RM18.5 juta).

Peruntukan lebih tinggi yang dibuat bagi pengurangan nilai pelaburan yang disebut harga serta kerugian lebih besar daripada pelupusan pelaburan disebut harga pada tahun kewangan semasa yang dilaporkan telah menyebabkan Bahagian Insurans Am mencatatkan kerugian sebelum cukai RM17.6 juta pada 2008 berbanding keuntungan sebelum cukai RM24.4 juta pada 2007.

Dalam usaha untuk menambah baik perkhidmatan kepada pelanggan, MAA telah melancarkan Mye-Insurance yang meliputi tiga (3) sistem berasaskan web, iaitu Mye-pel, MyClaims dan yang ketiga, MyEG, suatu gandingan usaha dengan MyEG Services Bhd untuk mempercepatkan perkhidmatan kepada pelanggan. Sistem berasaskan web ini akan memberikan masa pusing ganti lebih pantas bagi pengeluaran polisi bukan motor oleh ejen, membolehkan pelanggan berhubung dengan ejen bagi pengurusan tuntutan yang lebih berkesan, dan memberi pilihan kepada pemegang polisi untuk memperbaharui insurans motor dan cukai jalan.



TINJAUAN PERNIAGAAN TAKAFUL MALAYSIA

MAA Takaful Berhad ("MAA Takaful") memulakan operasi pada Julai 2007.

Pada 2008, Takaful Keluarga mencatatkan caruman kasar RM76.1 juta (2007: RM25.8 juta bagi enam (6) bulan operasi) terutamanya daripada produk berkaitan pelaburan, manakala Takaful Am mencatatkan caruman kasar RM33.9 juta (2007: RM0.9 juta bagi enam (6) bulan operasi), sebahagian besarnya daripada takaful kebakaran dan kelas perniagaan bukan motor lain.

Dalam tahun penuh kedua operasi, Dana Pemegang Saham MAA Takaful mengalami kerugian sebelum cukai lebih rendah berjumlah RM2.3 bilion berbanding kerugian sebelum cukai RM3.9 billion dalam tempoh (6) bulan pertama operasi pada 2007.

Dalam tahun kedua operasi, MAA Takaful meneruskan usahanya untuk menambah baik proses dan sistem dalaman dan tawaran produk untuk memastikan pelanggan mendapat manfaat penuh dari segi perkhidmatan cekap dan produk unggul. Antara produk yang dilancarkan pada 2008 ialah MAA Takaful CancerCare, produk pertama sepertinya dalam industri takaful yang menawarkan manfaat di peringkat awal dan juga peringkat lanjutan penyakit kanser dan polisi takaful SmartMedic 100, pelan perubatan asas pertama di pasaran yang membayar belanja pengebumian RM5,000 untuk semua sebab kematian. Dalam usaha untuk meningkatkan bilangan pelanggan, MAA Takaful juga telah berganding bahu dengan Celcom (Malaysia) Bhd ("Celcom") dalam tahun yang dilaporkan untuk menawarkan takaful kemalangan peribadi kepada kesemua lapan juta pelanggan Celcom.

Walaupun pasaran saham tampak lemah pada 2008 dan baru memasuki tahun kedua operasi, MAA Takaful telah mengumumkan pengagihan bonus dan dividen bagi dana berkaitan pelaburan takaful, iaitu dana Shariah Growth dan Dana Shariah Balanced bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2008.

Pada masa yang sama, MAA Takaful akan terus menjalankan program latihan menyeluruh untuk memastikan ejen profesional dan produktif dan memahami sepenuhnya industri dan produk takaful.

Memandangkan persekitaran ekonomi semasa yang sangat mencabar dan persaingan yang semakin sengit di pasaran, MAA Takaful akan memulakan rancangan tindakan untuk terus meningkatkan bilangan pelanggan, kualiti dan produktiviti tenaga agensi dan saluran pengedaran serta memperkenalkan produk baru yang inovatif.



TINJAUAN UNIT AMANAH MALAYSIA

Pada 2008, industri unit amanah Malaysia mengalami penguncupan dengan jumlah Nilai Aset Bersih ("NAB") dana di bawah pengurusannya merosot 20.7% kepada RM134.4 bilion (2007: RM169.4 bilion). Sementara itu, nilai aset di bawah pengurusan pengurus dana merosot sebanyak 5.6% kepada RM223.5 bilion pada 2008 daripada RM236.7 bilion pada 2007. Jumlah NAB dana unit amanah di bawah pengurusan MAAKL Mutal Bhd ("MAAKL") (syarikat unit amanah Kumpulan) pada akhir Disember 2008 berjumlah RM1.1 bilion (2007: RM1.4 bilion), iaitu pengurangan 21.4% berlatarkan pasaran pelaburan kurang menggalakkan sepanjang tahun, dan ini sejajar dengan prestasi industri unit amanah.

Pada tahun yang dilaporkan, MAAKL terus memberikan sumbangan positif kepada Keputusan Kumpulan walaupun keuntungan sebelum cukainya berjumlah RM1.7 bilion (2007: RM3.0 bilion) adalah lebih rendah.

Pada tahun dilaporkan, MAAKL melancarkan dana baru yang dinamakan MAAKL Greater China Fund dengan dana awal diluluskan berjumlah 600 juta unit, menjadikan bilangan dua puluh dua (22) dana secara keseluruhan yang kini berada di bawah pengurusannya.

Dalam usaha untuk meluaskan rangkaian pengedaran dalam tahun yang dilaporkan, MAAKL telah memeterai perjanjian pengedaran dengan HwangDBS Investment Management Bhd ("HwangDBS") dan OSK-UOB Unit Trust Management Bhd ("OSK-UOB"), yang membolehkan MAAKL mengedarkan sejumlah tujuh (7) dana HwangDBS dan enam (6) dana OSK-UOB. Tiga belas (13) dana ini akan diedarkan secara khusus menerusi penasihat unit amanah MAAKL. Dengan penambahan dana HwangDBS dan OSK-UOB, MAAKL buat masa ini menawarkan pilihan komprehensif tiga puluh lima (35) dana untuk membolehkan pemegang unit mempelbagaikan pelaburan mereka, khususnya dalam kelas aset yang sepadan dengan profil risiko dan objektif pelaburan.

Pada akhir Disember 2008, MAAKL mempunyai tenaga agensi seramai 1,070 ejen (2007: 1,083 ejen). MAAKL telah meneruskan usahanya untuk meningkatkan daya saing menerusi perisian perancangan pelaburan terkini, iaitu MAAKL Planners dan MAAKL Home Office yang membolehkan penasihat kewangan unit amanah menawarkan tahap perkhidmatan dan profesionalisme lebih tinggi kepada pelanggan untuk merancang dan menguruskan pelaburan pemegang unit amanah, dan MY MAAKL Suite yang memberikan capaian lebih mudah kepada pemegang unit yang lebih suka menguruskan dan memantau akaun pelaburan mereka sendiri. Malah mereka boleh memantau akaun mereka dari mana-mana sahaja, pada bila-bila masa menerusi sambungan Internet. Strategi proaktif untuk membina dan mengukuhkan infrastruktur, tenaga agensi dan rangkaian pengedaran akan mengukuhkan lagi kedudukan MAAKL untuk terus berkembang apabila keadaan pasaran kembali pulih.



Untuk itu, kami berbangga untuk mengumumkan bahawa pada malam anugerah The Edge-Lipper Malaysian Fund Awards 2009 yang diadakan pada Februari 2009, Dana MAAKL Al-Faid telah dinobatkan sebagai dana ekuiti Islam terbaik Malaysia bagi tempoh lima tahun.

TINJAUAN OPERASI ANTARABANGSA

MAA International Assurance Ltd ("MAAIA"), bahagian insurans dan pelaburan luar pesisir Kumpulan yang berpangkalan di Labuan, mencatatkan pendapatan premium kasar lebih tinggi berjumlah RM73.0 juta (2007: RM76.5 juta). Namun begitu, MAAIA melaporkan kerugian sebelum cukai RM11.7 juta (2007: kerugian RM3.2 juta) terutamanya kerana kerugian daripada pelupusan saham PT MAA General Assurance kepada pemegang saham minoriti menurut opsyen yang diberikan oleh MAAIA kepada pemegang saham minoriti tersebut dalam Perjanjian Pemegang Saham yang dilaksanakan pada 2001.

Buat tahun keempat berturut-turut sejak 2005, kedua-dua perniagaan insurans am di Indonesia dan Filipina memberikan sumbangan positif kepada keputusan Kumpulan, manakala perniagaan insurans hayat di Indonesia juga mencatatkan keuntungan buat tahun ketiga.

Namun begitu, perniagaan unit amanah Kumpulan di Filipina tidak memperlihatkan prestasi yang dijangkakan. Industri unit amanah di Filipina dikuasai terutamanya oleh bank dan peserta mapan lain yang telah membina asas modal masing-masing. Pada 2008, Kumpulan telah mengurangkan operasi perniagaan unit amanah di Filipina untuk menampung kos dan memastikan perniagaan terus berdaya maju. Untuk tujuan itu, Kumpulan akan mempertimbangkan kemungkinan melupuskan pelaburannya dalam perniagaan unit amanah di Filipina pada 2009.

Pada 2008, syarikat bersekutu Kumpulan, Columbus Capital Pty Ltd ("CCAU") telah memasuki tahun ketiga operasi. Kegiatan perniagaan utama CCAU ialah pinjaman perumahan runcit dan pensyukuran pinjaman di Australia. CCAU menawarkan pakej pinjaman perumahan tetapi tidak menanggung risiko kredit kerana pinjaman diinsuranskan oleh S&P (syarikat insurans bertaraf AA). Tiada sumbangan yang dibuat oleh CCAU kepada Kumpulan pada tahun yang dilaporkan kerana keputusannya terjejas akibat kerugian nilai saksama berjumlah AUD8.2 juta (2007: keuntungan nilai saksama RM2 juta) yang timbul daripada urus niaga swap kadar faedah, berikutan penggunaan perakaunan nilai saksama di mana instrumen di luar lembaranimbangan perlu dinilai dan diiktiraf dengan sewajarnya di dalam akaun. Pada masa yang sama, operasi CCAU terjejas akibat kesan rantaian krisis pinjaman subprima di US. Walau apa pun, Kumpulan akan terus memantau prestasi CCAU dengan teliti pada 2009.